

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/03/6 - 12

PETUGAS BARISAN HADAPAN LHDNM PERLU MILIKI PAKEJ ABCC

Kuching, 6 Mac 2019 - Dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada setiap pelanggan, khususnya pembayar cukai, setiap petugas barisan hadapan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) disarankan agar memiliki pakej ABCC iaitu Keterampilan kemas (Appearance), Sikap positif (Behaviour), Komunikasi berkesan (Communication) dan Kecekapan (Competency).

Menurut Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, gabungan semua kriteria positif tersebut bukan sahaja dapat membentuk pasukan petugas barisan hadapan yang sangat berkualiti dan cemerlang malah ia turut diyakini mampu meningkatkan prestasi kutipan hasil untuk pembangunan negara apabila jangkaan pembayar cukai serta pihak berkepentingan dapat dipenuhi.

Disamping itu setiap petugas barisan hadapan di LHDNM turut diseru untuk menguruskan persepsi dalam kalangan pembayar cukai dan rakyat yang sangat kritikal pada zaman ini. Peranan LHDNM dalam mengendalikan Program Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Pengakuan Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan menuntut kebijaksanaan setiap petugas barisan hadapan agar hasrat kerajaan dalam menyantuni setiap pembayar cukai serta rakyat tidak disalahertikan. Berhubung dengan

PKPS yang akan tamat tawarannya pada 30 Jun 2019 nanti, petugas barisan hadapan juga digesa untuk giat memberikan penerangan kepada seberapa ramai pembayar cukai yang boleh. Melalui tawaran PKPS ini kerajaan percaya bebanan cukai rakyat akan dapat diringankan berikutan kadar penalti yang ditawarkan adalah sangat rendah iaitu hanya 10% dan 15%.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Simposium Customer Care Officer (CCO) LHDNM bagi tahun 2019 yang disertai oleh hampir 80 orang wakil petugas barisan hadapan LHDNM dari seluruh negara di Kuching, Sarawak pada hari ini. Simposium CCO merupakan program tahunan LHDNM sebagai medan latihan dan mengiktiraf peranan petugas barisan hadapan.

Menyedari publisiti melalui muzik mempunyai impak yang lebih berkesan, pada majlis itu juga Dato' Sri Sabin Samitah turut melancarkan lagu jingle baharu LHDNM bertajuk 'Bersama Membangun Negara'. Lagu Jingle ciptaan komposer terkenal Ippo Hafiz ini akan mula dimainkan di stesen-stesen radio dan sebagai muzik latar sistem telefon LHDNM.

Turut hadir sama dalam program ini ialah Datuk Mohd Nizom Sairi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), Puan Rozina Shaik Osman Merican, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat, Puan Ramlot Keli, Pengarah LHDNM Negeri Sarawak dan pegawai-pegawai kanan LHDNM dari LHDNM Cawangan Kuching Sarawak.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



/LHDNM



/LHDNMofficial



LHDNM



lhdnTube

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 6 Mac 2019



Gambar 1: Pegawai LHDNM melafaz ikrar Rukunegara dan Ikrar LHDNM.



Gambar 2 : Ucapan perasmian oleh CEO LHDNM.



Gambar 3 : Dato' Sri Sabin Samitah ketika merasmikan Simposium CCO LHDNM 2019 dan Jingle baharu LHDNM sambil disaksikan oleh Datuk Mohd Nizom Sairi dan Puan Rozina Shaik Osman Merican.



Gambar 4 : Gambar berkumpulan pengurusan tertinggi LHDNM bersama-sama dengan CCO seluruh Malaysia.

